

2011 – 2015
Pindaan 2013

**PELAN STRATEGIK
PEJABAT TANAH DAN GALIAN
SELANGOR**

ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR	1
RINGKASAN EKSEKUTIF	2
BAB 1: PENGENALAN.....	3
LATAR BELAKANG PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR.....	3
CARTA ORGANISASI	4
FUNGSI DAN PERANAN.....	5
PUNCA KUASA	11
STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN	12
BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA.....	13
BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK.....	14
VISI	14
MISI.....	14
MOTO	15
DASAR KUALITI	15
NILAI BERSAMA	16
TERAS STRATEGIK	18
PELAN TINDAKAN	19
BAB 4: PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	32
ELEMEN PENENTU KEJAYAAN	32
MEKANISME PELAKSANAAN.....	34
KAEDAH PEMANTAUAN PELAKSANAAN.....	34
PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI.....	36
PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA	36
THE WAY FORWARD	38
BAB 5: PENUTUP	39

KATA ALUAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Segala puji-pujian kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor 2011-2015 (Pindaan 2013) telah berjaya dihasilkan. Pelan Strategik ini dibangunkan atas kesedaran betapa pentingnya peranan pentadbiran tanah dalam menjamin kesejahteraan rakyat.

Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) merupakan salah satu jabatan yang paling signifikan dan peneraju dalam menguruskan pentadbiran dan pembangunan tanah di Negeri Selangor. Adalah penting memperkasakan PTGS bagi menggalas amanah dan tanggungjawab yang telah diletakkan bagi mewujudkan tadbir urus yang baik dalam urusan pentadbiran tanah Negeri Selangor.

Bagi mencapai matlamat tersebut, satu pelan strategik dirangka bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan serta sasaran atau langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh PTGS. Pelan strategik ini diperincikan dengan Pelan Tindakan yang praktikal bagi setiap program yang dirancang termasuk meletakkan nilai-nilai terpuji yang perlu diamalkan oleh semua warga PTGS bagi mencapai teras strategik yang telah ditetapkan.

Adalah menjadi harapan saya pelan strategik yang telah digubal ini akan menjadi satu kerangka kemajuan dan pemangkin kepada anjakan paradigma dalam pengurusan dan pentadbiran tanah Negeri Selangor.

Akhir kata, ribuan terima kasih saya dahulukan serta syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga kerja yang terlibat sehingga berjaya menghasilkan Pelan Strategi Pejabat Tanah dan Galian Selangor 2011-2015 (Pindaan 2013).

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam membentuk satu organisasi yang mantap, berkemahiran dan cekap bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam dan juga kepada jabatan-jabatan yang berkaitan satu pelan strategik telah dirancang sepanjang 5 tahun bermula 2011 hingga 2015. Pelan Strategik yang dirancang merangkumi keseluruhan permasalahan, kritikan, aduan dan situasi semasa yang berlaku di Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).

Daripada hasil penelitian dan perancangan serta idea-idea daripada semua warga kerja Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor 2011-2015 telah dibentuk. Di dalam Pelan Strategik ini telah mengenal pasti faktor-faktor kekuatan yang boleh membantu meningkatkan taraf penyampaian yang sedia ada dan faktor-faktor kelemahan yang perlu dipertingkatkan dan ditambah baik serta perancangan kepada program-program utama yang perlu diberi perhatian.

Pelan Strategik ini juga adalah satu bentuk transisi Pejabat Tanah dan Galian Selangor dalam bergerak bersama Kerajaan dalam menjayakan “Agenda Tranformasi Perkhidmatan Awam” yang bermatlamat mencapai matlamat negara iaitu Wawasan 2020.

BAB 1: PENGENALAN


LATAR BELAKANG PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Sebelum merdeka Pejabat Tanah dan Galian Selangor terletak di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Apabila Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Selangor berpindah ke Shah Alam dan bangunan yang digunakan adalah Kompleks PKNS pada tahun 1978.

Apabila bangunan Ibu Pejabat Kerajaan Negeri yang ada sekarang iaitu Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sempurna dibina dan mula digunakan maka Pejabat Tanah dan Galian Selangor berpindah buat kali yang ketiga. Perpindahan ini berlaku pada bulan April 1983.

Organisasi Pejabat Tanah dan Galian Selangor diketuai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor. Beliau dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pengurusan) dan Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran). Terdapat sembilan bahagian di dalam Pejabat Tanah dan Galian Selangor bagi memantapkan perjalanan operasinya iaitu Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah, Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Balik Tanah dan Teknikal, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Hakmilik Strata, Bahagian Pendaftaran Hak Milik, Bahagian Hasil, Bahagian Perundangan dan Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah.

CARTA ORGANISASI



FUNGSI DAN PERANAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pentadbiran Dan Kewangan

PENTADBIRAN

- Perkhidmatan
- Tatatertib
- Latihan
- Kursus Induksi
- Pengurusan Prestasi

KEWANGAN

- Menyelenggara dan mengemaskini semua rekod perakaunan
- Mengurus pembayaran semua jenis bil dan tuntutan
- Menyelenggara akaun Panjar Wang Runcit
- Urusetia kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Pengurusan dan Pembangunan Aplikasi 1

- Mengurus dan menyelenggara :
- Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer
- Sistem Pungutan Hasil Tanah
- Sistem Integrasi SPTB-SPHT di PTG dan 9 PTD
- Sistem Pungutan SPTB di PTG dan 9 PTD
- Pelaksanaan e-Gadaian
- Mengurus laporan Statistik Tanah
- Mengurus Bantuan Teknikal bagi sistem aplikasi di bawah seliaan

Unit Pengurusan dan Pembangunan Aplikasi 2	• Mengurus dan menyelenggara : • Sistem Permohonan Hakmilik Strata (SPHS) • Aplikasi Web Strata • Sistem Tempahan Peralatan ICT • Sistem Tempahan Kenderaan • Short Message Service (MySMS) • Quene Management System (QMS) • Sistem Pendaftaran Harta Modal (SPHM) • Sistem Pendaftaran Wakil Firma (e-Wakil) • Mengurus bantuan teknikal bagi system aplikasi dibawah seliaan
Unit Pengurusan dan Penbanguan Aplikasi 3	• Mengurus dan menyelenggara system E-Consent • Membangun , mengurus dan menyelenggara system: • Sistem Pemberimilikan dan Tukar Syarat Tanah • Sistem Warta Jawatan • Sistem Permohonan Tanah Warga Asing • Sistem Warta Tanah • Sistem Aduan PTGS • Sistem Surat PTGS • Sistem KAKitangan dan Sistem Kursus dan Latihan • Sistem Pendaftaran Fail Rahsia Tanah • Mengurus Bantuan Teknikal bagi system aplikasi di bawah seliaannya
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN TANAH	
Unit Pembangunan Tanah	Menerima dan memproses permohonan yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah bagi permohonan pecah sempadan, pecah bahagian, penyatuan, serah balik dan berimilik semula, serah sebahagian tanah dan serah keseluruhan tanah.
Unit Tukar Syarat Tanah	Menerima dan memproses semua permohonan tukar syarat tanah termasuk tanah rizab Melayu

Unit Pelupusan	Menerima dan memproses permohonan yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah bagi permohonan pemberimilikan tanah secara individu atau berkelompok , Lesen Pendudukan Sementara, lanjut tempoh pajakan, pewartaan, permit ruang udara pengecualian bayaran ukur.
Unit Rayuan	Menerima dan memproses semua permohonan rayuan berkaitan dengan Keputusan MMKN.
Unit Kebenaran Pindahmilik	• Menerima dan memproses semua permohonan untuk mendapatkan kebenaran memindahmilik tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi tanah-tanah milik individu atau syarikat samada Warganegara Malaysia, Warganegara Asing atau Penduduk Tetap. • Menerima dan memproses semua permohonan untuk mendapatkan kebenaran memindahmilik tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi tanah-tanah milik individu atau syarikat kepada pembeli pertama, permohonan batal ganti nama dan salinan diakui sah (CTC) (bagi tujuan perserahan)
Unit Teknikal	Menyediakan laporan teknikal bagi semua permohonan yang mempunyai kemusykilan sebelum diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
BAHAGIAN PENDAFTARAN HAKMILIK	
Pendaftaran Urusniaga dan Bukan urusniaga	• Menerima dan mendaftar suratcara Urusniaga dan Bukan urusniaga
Pendaftaran Hakmilik	• Melaksanakan pendaftaran Hakmilik Sambungan (kerana hilang/rosak) • Hakmilik Kekal • Hakmilik Sementara

- Melaksanakan Pendaftaran Hakmilik Sementara berikutan dengan kelulusan Pecah Sempadan/Pecah Bahagian Cantuman Tanah

BAHAGIAN HAKMILIK STRATA

- Permohonan dan Pengeluaran Hakmilik Strata Bagi Bangunan Berbilang Tingkat Di Negeri Selangor
- Penguatkuasaan disebabkan kegagalan Memohon Hakmilik Strata (di bawah Seksyen 8 AHS 1985)
- Penguatkuasaan disebabkan Kegagalan Membuat Pindahmilik Hakmilik Strata (di bawah Seksyen 40A AHS 1985)
- Pendaftaran Hakmilik (Urusniaga dan Bukan Urusniaga)

BAHAGIAN HASIL

- Menerima bayaran cukai tanah, cukai taksiran, urusan perserahan bagi pendaftaran hakmilik
- Menyelenggara Bayaran Hasil Tanah Secara Online melalui Bank-Bank terpilih dan Pejabat Pos
- Mengemaskini maklumat data hakmilik yang terkini dalam system Pungutan Hasil Tanha
- Menyediakan Laporan Bulanan Kutipan Hasil, Penyata Penyesuaian Hasil dan lain-lain laporan
- Mengawalselia dan mengemaskini maklumat-maklumat Bil Hasil Tanah dan masalah yang berkaitan

BAHAGIAN PERUNDANGAN

- Memberi pandangan perundangan berkaitan hal ehwal tanah
- Menyemak perjanjian melibatkan Pejabat Tanah dan Galian Selangor
- Merangka cadangan pindaan KTN 1965, Kaedah-kaedah tanah Selangor 2003, Akta Hakmilik Strata Selangor 1987, Enakmen Rizab Melayu (Selangor),Kaedah-kaedah Hakmilik Strata Selangor 1987,Enakmen Mineral Selangor 2000
- Menyemak draf warta berkaitan Pewartaan Rizab Awam,Pewartaan Rizab Melayu, Pewartaan penyenaraian dalam jadual Kedua dan Ketiga Enakmen Rizab Melayu (Selangor)
- Menyemak kertas siasatan bagi kesalahan di bawah KTN 1965, AHS 1985

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN, PENGAMBILAN TANAH DAN TEKNIKAL

Melaksanakan operasi-operasi penguatkuasaan dan pemantauan ke atas kawasan-kawasan permit pengalihan bahan batuan mengikut seksyen 426 KTN 1965 untuk menambah kutipan dan hasil kerajaan

BAHAGIAN KORPORAT DAN AUDIT PENGURUSAN TANAH

Unit Penyelarasan Korporat

- Menyelaras dan menjadi urusetia Mesyuarat berkala;
- Mengendali dan menyelaras penyediaan jawapan pertanyaan mulut/bertulis Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor;
- Menyelaras dan memuktamadkan urusan Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antara Negeri Selangor

Unit Komunikasi Korporat

- Mengambil, menerima, merekod dan mengedarkan cabutan keputusan MMKN/MTES kepada bahagian-bahagian yang berkenaan
- Mengumpul, merekod keratan akhbar yang melibatkan Pentadbiran Tanah Negeri Selangor dan menyediakan jawapan berkaitan
- Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan PTGS
- Menyelaras Penyediaan Buletin PTGS

Unit Penyelarasan Aduan

- Menyelaras, memantau dan menyediakan maklumbalas aduan yang diterima oleh Bahagian Korporat melalui STARS, e-ADUAN PTGS, telefon, Talian Bebas Tol, e-mel, surat dll.
- Menyediakan Laporan Bulanan Aduan Awam

Unit Audit Pengurusan Tanah

- Menyelaras dan menjadi Jawatankuasa Bersama Audit Pengurusan Tanah di Pejabat Tanah dan Galian Selangor
- Menyelaras dan menjadi Jawatankuasa

Bersama Kualiti Jabatan

- Menyelaras penyediaan, pelaksanaan dan menjalankan Program Auditan ke Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Negeri Selangor dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor secara berjadual sepanjang tahun serta memastikan jadual dipatuhi

PUNCA KUASA

Asas kepada bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian Selangor dalam membentuk Pengurusan Tanah terbahagi kepada 2 iaitu:-


i. PENGURUSAN DAN KEWANGAN

- Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61).
- Akta Kontrak (Pindaan) 1976.
- Perintah-Perintah Am/ Arahan Perbendaharaan/ Arahan Perkhidmatan
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Tahun 1995.
- Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam/ Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam/ Pekeliling Am/ Surat Pekeliling Am/ Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara/ Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU/ Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/ Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor.
- Pekeliling Perbendaharaan/ Surat Pekeliling Perbendaharaan/ Pekeliling/ Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan.

ii. PENTADBIRAN TANAH

- Perlembagaan Persekutuan.
- National Land Code (Act No. 56 of 1965).
- Selangor Land Rules 2003.
- Strata Titles Act 1985 (Act 318).
- Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata 1987.
- Malay Reservations Enactment (F.M.S. Cap. 142) (Selangor).
- Land Acquisition Act 1960 (Act 486).
- Enakmen Mineral Selangor 2000.
- Kaedah-Kaedah Kuari Selangor 2003.
- Land (Group Settlement Areas) Act 1960 (Act 530).
- Delegation of Powers Act 1956.
- Arbitration Act 2005.
- Land Conservation Act 1960 (Act 385).
- Warta-warta Kerajaan Negeri Selangor.
- Keputusan-Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
- Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor/ Pekeliling Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian/ Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor/ Surat Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor.

STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN



BAB 2: ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA



BAB 3: HALA TUJU STRATEGIK

VISI

*Peneraju Perkhidmatan Tadbir Urus
Tanah yang Terbaik dan Cemerlang di
Malaysia menjelang 2015*

Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah memilih Visi ini adalah kerana pejabat ini mempunyai agenda membawa institusi tanah menjadi satu agensi kerajaan yang mempunyai kekuatan dan kualiti dalam pelbagai skop perkhidmatan terutamanya dalam penyampaian teknologi yang dilihat dapat membantu meningkatkan penyampaian maklumat kepada pelanggan menjadikan agensi ini lebih mesra pelanggan.

MISI

*Mentadbir Urus Tanah Negeri Selangor
Selaras Dengan Dasar-Dasar Kerajaan
Melalui Perkhidmatan Yang Cekap Dan
Inovatif Kepada Pelanggan*

Dalam mencapai matlamat menjadi satu agensi yang cemerlang dalam penyampaian maklumat dan mesra pelanggan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor akan mendokong dasar-dasar-dasar kerajaan Negeri dan Persekutuan agar Agenda Transformasi Perkhidmatan Awam dapat dilaksanakan bersama pembangunan kualiti yang ingin dihasilkan di dalam agensi ini.

MOTO

Perkhidmatan Cemerlang Kualiti Diutamakan

Matlamat utama Pejabat Tanah dan Galian Selangor adalah membentuk sistem penyampaian yang berkualiti dan menghasilkan kakitangan yang cemerlang dalam bidang tanah agar agensi ini dapat mencapai Visi dan Misi serta perancangan-perancangan yang telah dibentuk.

DASAR KUALITI

Komited untuk Mencapai Kecemerlangan yang Berterusan Dalam Memberikan Perkhidmatan yang Berkesan dan Berkualiti ke Arah Kepuasan Hati Pelanggan

NILAI BERSAMA

INTEGRITI


Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab.

PROFESIONAL

Bertindak dengan penuh komitmen dengan memanfaatkan kompetensi dan kepakaran spesifik apabila mencadangkan penyelesaian dan penambahbaikan serta berpandukan kepada ilmu dan kemahiran. Membuat pertimbangan yang teliti dalam sesuatu tindakan serta membuat keputusan yang rasional berdasarkan fakta tertentu dengan mengambil kira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan Negara.

TOLERANSI

Sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya dan mengamalkan sikap toleransi di kalangan warga PTGS. Sentiasa berganding bahu menyelesaikan setiap masalah dan bersikap adil serta menerima dan menghormati setiap pendapat yang dilontarkan di samping sentiasa berfikiran terbuka.



TERAS STRATEGIK



PELAN TINDAKAN

Teras 1 Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah bagi Maksud Guna Tanah yang Terancang						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Memantapkan dasar-dasar pentadbiran tanah	Mengoptimumkan penggunaan tanah dan mendapatkan pulangan/ hasil yang terbaik daripada pembangunan/ pelupusan tanah.	Menyediakan kertas cadangan untuk perlaksanaan	4 kali setahun	2011-2015	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
			Mengemaskini dasar sedia ada dan mencadangkan dasar baru	4 kali setahun	2011-2015	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
			Menyediakan garis panduan /pekeliling/ arahan	4 kali setahun	2011-2015	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah
2.	Meneliti cadangan pembangunan dan kemajuan tanah PBT/ PDT agar selari dengan dasar-dasar pentadbiran tanah	Mengenalpasti dan menilai keberkesanan dasar-dasar, pekeliling dan arahan yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Mengadakan Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir Tanah Daerah Dan; Mesyuarat Timbalan	2 kali setahun	2011 - 2015	Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah

Teras 1 Memantapkan Pengurusan Pembangunan dan Kemajuan Tanah bagi Maksud Guna Tanah yang Terancang						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
			Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah			
			Mengadakan Bengkel/ Latihan secara bersepadu antara Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	2 kali setahun	2011 - 2015	Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah

Teras 2 Memperkasakan Urusan Pendaftaran Hakmilik bagi Meningkatkan Hasil Kerajaan Negeri						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Meningkatkan Keselamatan Dan Integriti Dokumen Dan Butiran Hakmilik Pejabat Pendaftar	Mengurangkan kes-kes penipuan dalam urusan tanah	Penukaran kertas keselamatan hakmilik setiap 3 tahun	100% pengurangan kes jenayah (<i>fraud</i>) berdasarkan pemalsuan kertas keselamatan	2015	Bahagian Khidmat Pengurusan/ Bahagian Pendaftaran Hakmilik/ Bahagian Hakmilik Strata
			Memastikan butiran bagi rekod hakmilik adalah tepat dan teratur melalui kaedah <i>Data Cleaning</i> dan peningkatan kemahiran dan kapasiti kakitangan terlibat	100% pengurangan pembetulan kesilapan butiran hakmilik berpunca daripada proses dalaman	2014	Bahagian Teknologi Maklumat/ Bahagian Pendaftaran Hakmilik/ Bahagian Hakmilik Strata
2.	Menyelaras Dan Memudahkan Prosedur Urusan Pendaftaran Hakmilik	Keseragaman dalam penyampaian	Kajian semula keperluan dokumen dan carta alir kerja	20 urusan pendaftaran diselaraskan dan dimudahkan	2014	Bahagian Pendaftaran Hakmilik

Teras 2 Memperkasakan Urusan Pendaftaran Hakmilik bagi Meningkatkan Hasil Kerajaan Negeri						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
		maklumat dan memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan	urusan pendaftaran			
3.	Memperluas Penggunaan Teknologi Yang Memberi Nilai Tambah di Pendaftaran Hakmilik Strata	Memastikan penggunaan sistem secara menyeluruh di Negeri Selangor bagi meningkatkan perkhidmatan penyampaian kepada pelanggan dan mewujudkan satu penyimpanan data pemilikan yang lebih baik serta teratur	Penggunaan E-SPHS Di Dalam Urusan Pendaftaran Hakmilik Strata	100% pelaksanaan pendaftaran strata secara berkomputer di seluruh negeri Selangor berbanding manual	2014	Bahagian Hakmilik Strata/ Bahagian Teknologi Maklumat
4.	Memperluas Penggunaan Teknologi Yang Memberi Nilai Tambah di Pendaftaran Hakmilik Landed	Meningkatkan integriti pihak-pihak berkepentingan dalam urusan perserahan pentadbiran tanah	Pemeringkatan keselamatan urusan pendaftaran melalui teknologi biometrik	100% urusan perserahan pendaftaran bagi Unit Kaunter, Bahagian Pendaftaran Hakmilik menggunakan	2014	Bahagian Pendaftaran Hakmilik / Bahagian Teknologi Maklumat

Teras 2 Memperkasakan Urusan Pendaftaran Hakmilik bagi Meningkatkan Hasil Kerajaan Negeri						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
				teknologi biometrik		
5.	Meningkatkan Kutipan Hasil	Menjana pendapatan negeri	Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JPN dan LHDN	Mengemaskini data maklumat pemilik dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JPN dan LHDN bagi menjamin bil hasil diterima oleh pemilik berdaftar.	2014 – 2015	Bahagian Hasil

Teras 3 Merekayasa Penguatkuasaan bagi Memastikan Pelaksanaan Dasar dan Peraturan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran dan penggunaan tanah	Memastikan pengurusan sumber alam yang mapan dan holistik.	Melaksanakan perancangan bersepadu guna tanah bagi mengelakkan kemajiran sumber alam	100% kelulusan bahan batuan dan mineral	2012-2015	Bahagian Penguatkuasa/ Pembangunan Tanah/ Bahagian Undang-undang
			Melaksanakan langkah-langkah kawal selia dan kawal selia sendiri dalam Pengurusan Alam Sekitar	100% mengikut permohonan yang diterima berdasarkan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar / Audit.	2012-2015	Bahagian Penguatkuasa/ Pembangunan Tanah/ Bahagian Undang-undang/ Task Force
			Memperuntukan lebih banyak kawasan bagi penjelajahan dan pembangunan perlombongan	50% daripada keluasan kawasan perlombongan berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh JMG	2012-2015	Bahagian Penguatkuasa
2.	Menambahbaik Tadbir Urus Institusi Penguatkuasaan	Pelaksanaan perundangan bahan batuan dan mineral yang seragam secara efisien, berkesan	Menjalankan penguatkuasaan undang-undang mengikut peruntukan di dalam Kanun	Mengadakan kolaborasi sekurang-kurangnya 2 kali setahun bersama	2012-2015	Bahagian Penguatkuasa

Teras 3 Merekayasa Penguatkuasaan bagi Memastikan Pelaksanaan Dasar dan Peraturan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
		dan telus	Tanah Negara	kementerian, agensi dan jabatan yang berkaitan menggunakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan		
			Menyediakan institusi penguatkuasaan yang berkemahiran dan tangkas (<i>dexterity</i>)	100% anggota penguatkuasaan mempunyai kepakaran dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan	2012-2015	Bahagian Penguatkuasa
3.	Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan	Pengagihan semula hasil sumber alam untuk kegunaan dan kebajikan rakyat	Meningkatkan kutipan hasil melalui bayaran royalti bahan batuan dan mineral	100% royalti dikutip	2012-2015	Bahagian Penguatkuasa
			Melaksanakan pengagihan hasil sumber negeri secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat	100% hasil royalti digunakan untuk pembangunan Negeri Selangor	2012-2015	Bahagian Penguatkuasa

Teras 4 Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara Holistik untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Meningkatkan Pembangunan Sumber Manusia	Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan	Menyediakan latihan yang berorientasikan pembentukan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran dalam semua bidang tanah	2 fasa setahun	Setiap tahun (2011-2015)	Bahagian Khidmat Pengurusan
			Perlaksanaan Pelan Latihan yang komprehensif	100% pelaksanaan mengikut jadual	Setiap tahun (2011-2015)	Bahagian Khidmat Pengurusan
2.	Mempertingkatkan pengurusan organisasi	Meningkatkan keberkesanan tadbir urus	Mewujudkan Pelan Pengurusan Sumber Manusia	1 Laporan	2014	Bahagian Khidmat Pengurusan
			Mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif	Mendapat 90 % maklumbalas tahap kepuasa pekerja melalui Mesyuarat Bersama Jabatan.	2013	Bahagian Khidmat Pengurusan
			Memantapkan aspek keselamatan pejabat selaras dengan	100% maklumbalas yang baik diterima dalam Audit Keselamatan oleh Pejabat Ketua Pegawai	2015	Bahagian Khidmat Pengurusan

Teras 4 Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara Holistik untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
			peraturan-peraturan keselamatan oleh Pejabat Pegawai Keselamatan Negara	Keselamatan Kerajaan.		
			Melaksanakan Amalan 5S	Pelaksanaan Amalan 5S di setiap bahagian	2013-2014	Bahagian Khidmat Pengurusan
3.	Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Kewangan	Memantapkan Pengurusan Sumber	Memastikan belanjawan dilaksanakan dengan terancang	Perbelanjaan tidak melebihi peruntukan	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Khidmat Pengurusan
			Memantapan pengurusan aset	100% penerimaan, pendaftaran, penyelenggaraan, dan pelupusan direkodkan dalam tempoh 3 hari .	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Khidmat Pengurusan
			Menyelesaikan tuntutan pembayaran dalam tempoh 3 hari	Jumlah tuntutan bayaran yang dibuat dalam tempoh 3 hari.	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Khidmat Pengurusan
			Memastikan rekod	Penyelenggaraan kenderaan secara	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Khidmat

Teras 4 Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara Holistik untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
			penyenggaraan kenderaan diselenggara secara berjadual	berjadual dan berekod		Pengurusan
4.	Memantapkan Pengurusan Pelanggan	Untuk Mencapai Kepuasan Pelanggan	Pencapaian Piagam Pelanggan	Laporan Bulanan	Setiap Tahun (2013-2015)	Semua Bahagian
5.	Meningkatkan Imej Korporat	Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Urus Tadbir Tanah	Menerbitkan Buletin PTGS dan Laporan Tahunan PTGS	2 Buletin	Setiap tahun (2013-2015)	Semua Bahagian
			Mengemaskini Laman Web PTGS	1 Laporan Tahunan Penarafan MDec	Setiap tahun (2013-2015)	Semua Bahagian
6.	Memperkukuhkan Infrastruktur dan Keselamatan ICT	Memastikan integriti data sentiasa selamat Memastikan kesinambungan perkhidmatan terjamin.	Peningkatkan keupayaan dan perluasan infrastruktur ICT.	Senarai keperluan ICT (peralatan & perisian dan kemudahan ICT)	Setiap tahun (2013-2015)	BTM/ Bahagian Khidmat Pengurusan
				Senarai keperluan <i>Green Data Center</i> PTGS	Setiap tahun (2013-2015)	BTM/ Bahagian Khidmat Pengurusan
				Senarai keperluan <i>Backup Solutions</i> PTGS	Setiap tahun (2013-2015)	BTM/ Bahagian Khidmat Pengurusan
			Pengukuhan keselamatan maklumat	<i>Disaster Recovery Center (DRC)</i>	2014	Bahagian Teknologi Maklumat

Teras 4 Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara Holistik untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
				Disaster Recovery Plan (DRP)	2015	Bahagian Teknologi Maklumat
				Security Posture Assesment (SPA)	2013	Bahagian Teknologi Maklumat
				Laporan tahap keselamatan ICT PTGS	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Teknologi Maklumat
7.	Memantapkan Sistem Aplikasi	Memastikan semua urusan tanah dikomputerkan	Pembangunan aplikasi baru	Laporan kajian keperluan sistem aplikasi baru	2013	Bahagian Teknologi Maklumat
		Mempertingkatkan perkhidmatan online sebanyak 90% kepada pelanggan		Kertas kerja permohonan peruntukan dan proses pembangunan sistem	2014	Bahagian Teknologi Maklumat / Bahagian Khidmat Pengurusan
			Pengukuhan aplikasi sedia ada	Penambahan utiliti MySMS Semakan hakmilik Strata Semakan Status Perserahan SPTB (e-Perserahan Semakan Status	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Teknologi Maklumat / Bahagian berkaitan

Teras 4 Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara Holistik untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
				Pungutan Dokumen (e-Pungutan)		
				Satu Kiosk perkhidmatan PTGS	2014	Bahagian Teknologi Maklumat / Bahagian berkaitan
				Pelan penyelenggaraan sistem aplikasi	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Teknologi Maklumat / Bahagian berkaitan
8.	Memantapkan Tadbir Urus ICT Secara Efektif	Memastikan pengurusan tadbir urus ICT mematuhi standard dan prosidur yang berkuatkuasa	Pengukuhan polisi dan prosedur ICT	Prosedur Operasi standard (SOP) tatacara emel backup dan restore helpdesk penyelenggaraan DKICT	2013-2015	Bahagian Teknologi Maklumat
					2013	Bahagian Teknologi Maklumat
		Memastikan struktur organisasi ICT mantap	Pemantapan Jawatankuasa Pengurusan ICT	Jawatankuasa bersama agensi luar	2014	Bahagian Teknologi Maklumat
				Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Maklumat	2013	Bahagian Teknologi Maklumat

Teras 4 Memperkukuhkan Pengurusan Organisasi dan ICT secara Holistik untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan						
Bil.	Strategi	Objektif kepada Strategik	Program	Indikator/ Sasaran	Tahun Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
9.	Meningkatkan Kemahiran Dan Pembudayaan ICT			Tanah		
			Pengukuhan struktur organisasi ICT.	Laporan keperluan penstrukturan semula BTM	2014	Bahagian Teknologi Maklumat
		Memastikan supaya warga PTGS kompeten	Peningkatan pengetahuan dan kemahiran ICT	Pelan Latihan ICT Tahunan PTGS: Pegawai ICT Pengguna	Setiap tahun (2013 – 2015)	Bahagian Teknologi Maklumat
		Membudayakan perkongsian pengetahuan ICT Warga PTGS dan Agensi Luar	Pengukuhan dan pembudayaan ICT secara menyeluruh	Program Kesedaran dan Promosi ICT	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Teknologi Maklumat
				Pengiktirafan ICT	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Teknologi Maklumat
				Pensijilan Profesional ICT	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Teknologi Maklumat
			Peningkatan kolaborasi dan perkongsian pintar	Program percambahan fikiran perkhidmatan ICT secara berkala	Setiap tahun (2013-2015)	Bahagian Teknologi Maklumat

BAB 4: PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Dalam menentukan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini, beberapa kriteria telah dikenal pasti.

1. PENGURUSAN ILMU

Melahirkan satu organisasi yang berilmu berkaitan undang-undang tanah dan undang-undang lain yang berkaitan. Dengan ilmu pengetahuan yang tinggi dapat membantu organisasi dalam menyelesaikan masalah yang timbul dan dengan ilmu juga organisasi akan dipandang tinggi serta dihormati dan menjadi tempat rujukan dalam pelbagai perkara. Kewibawaan organisasi juga akan terserlah. Penggabungan pengurusan ilmu yang baik dan pengalaman dengan sistem penyampaian dapat menghasilkan satu sistem yang terurus dan mesra pelanggan.

2. PENGLIBATAN WARGA KERJA PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

2.1. Komitmen Menyeluruh

Komitmen yang tinggi dalam melaksanakan dan memastikan agar perancangan Pelan Strategik ini berjaya mencapai matlamatnya. Hanya dengan komitmen dan penetapan hala tuju organisasi dapat mengawal dan mengatur semua peranan dan perancangan agar tidak lari daripada landasannya.

2.2. Kapasiti organisasi

Kapasiti organisasi sedia ada akan terus diperkukuhkan dengan elemen-elemen yang membantu seperti kakitangan yang berilmu serta penstrukturan semula organisasi, penambahbaikan teknologi juga penambahan tenaga kerja agar lebih tersusun dan selaras.

2.3. Penggunaan Teknologi dalam Aplikasi Penyampaian

Penggunaan teknologi terkini dalam aplikasi penyampaian juga sangat membantu agar sistem penyampaian lebih efisien, cekap, pantas dan mesra pelanggan.

Penggunaan ruang, kertas dan penyampaian maklumat dengan menggunakan teknologi dapat membantu dalam penjimatan kos dan masa.

3. INTEGRITI KAKITANGAN

3.1. Amanah dan Jujur

Disiplin semua kakitangan sangat penting. Bagi melahirkan sebuah organisasi yang mempunyai disiplin yang tinggi, penguatkuasaan peraturan harus dititik beratkan.

3.2. Pembangunan Modal Insan

Integriti kakitangan boleh dibentuk melalui pembangunan modal insan yang dirancang dengan teliti melalui program pembangunan kompetensi yang bersesuaian.

MEKANISME PELAKSANAAN

Pejabat Tanah dan Galian Selangor akan melaksanakan kesedaran pengurusan strategik melalui laman web secara berkala, seminar dan juga mesyuarat pengurusan tertinggi PTGS. Status pencapaian pelaksanaan pelan strategik akan disalurkan dan dihebahkan melalui portal PTGS di dalam satu ruangan khas untuk pencapaian pengurusan strategik. Selain itu, PTGS akan memastikan setiap bahagian membangunkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bahagian sejajar dengan Pelan Strategik jabatan sebagai panduan pelaksanaan program setiap bahagian.

Bagi memastikan pelaksanaan pelan pengurusan strategik ini mengikut seperti yang dirancang, PTGS akan membangunkan pelan operasi atau jadual pelaksanaan yang terperinci terhadap setiap strategi dan program.

KAEDAH PEMANTAUAN PELAKSANAAN

Kaedah pemantauan Pelan Strategik adalah berdasarkan elemen-elemen yang diperlukan untuk memastikan pemantauan program secara berkala dan berterusan. Ia mengandungi tiga elemen utama iaitu:

- Mekanisme Pemantauan & Pengukuran – kaedah pemantauan (lawatan tapak, sistem online, email), kaedah pengukuran (pemerhatian, laporan pihak dalaman, laporan pihak luaran).
- Laporan Pemantauan & Pencapaian – laporan pemantauan yang dilaksanakan secara berkala dan berterusan sepanjang tempoh program dilaksanakan (format laporan pemantauan, pencapaian)
- Kajian Keberkesanan – proses kerja baru (BPR), kajian impak program utama, struktur organisasi.)

PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) ini merupakan rujukan PTG Selangor bagi mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan. Pelaksanaan strategi dan program yang telah dirancang memerlukan pemantauan yang terperinci. Kajian penambahbaikan perlu dilaksanakan dari masa ke semasa untuk memastikan keberkesanannya selaras dengan arus perubahan.

Bagi pemantauan dan pengukuran prestasi, Jawatankuasa Pengurusan Strategik PTGS yang dipengerusikan oleh Pengarah PTGS diwujudkan bagi memastikan pencapaian setiap program di bawah strategi-strategi adalah seperti yang dirancang. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat setiap enam (6) bulan sekali. Selain itu, Jawatankuasa Kerja Pengurusan peringkat bahagian juga diwujudkan untuk tujuan yang sama.

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik PTGS akan memberi perhatian kepada program yang signifikan kepada pencapaian strategi untuk melaksanakan kajian impak mengikut keutamaan. Ketua Bahagian berperanan dalam memantau keberkesanan pelaksanaan program. Pencapaian KPI bagi setiap program akan dibentangkan dalam 2 peringkat mesyuarat iaitu Jawatankuasa Pengurusan Strategik PTGS dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Strategik PTGS.

PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA

Kajian semula Pelan Strategi akan dilaksanakan pada tahun 2014 bagi menilai semula pencapaian program yang dirancang, keberkesanan program dan merangka semula proses bagi penambahbaikan program agar dapat mencapai sasaran sepertimana yang telah digariskan oleh jabatan. Penilaian dan kajian keberkesanan ini akan mengambilkira penumpuan terhadap program yang telah dirancang selari dengan perubahan senario semasa.

Bagi program yang tidak mencapai sasaran, Jawatankuasa kerja akan membentuk *taskforce* bagi memastikan sasaran tercapai seperti yang ditetapkan. Jawatankuasa pengurusan pelan strategik PTGS akan melaksanakan kajian semula pelan strategik pada 2014 bagi menyelaras hala tuju, strategi PTGS bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa.

THE WAY FORWARD

Menjelang 2016 Pejabat Tanah dan Galian Selangor merupakan sebuah organisasi Kerajaan Negeri Selangor yang mempunyai pentadbiran yang terbaik merangkumi sistem, warga kerja yang mempunyai kemahiran tinggi dan juga sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan mantap.

Di akhirnya boleh digambarkan bahawa Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada tahun 2016 muncul sebagai sebuah organisasi pentadbiran tanah yang cemerlang dan persepsi tentang birokrasi, kelembapan dan layanan yang kurang memuaskan akan terhapus dengan sendirinya.

BAB 5: PENUTUP

Pelan Strategik Pejabat Tanah dan Galian Selangor 2011-2015 dirangka dan dibentuk adalah bertujuan untuk memantapkan organisasi Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk melangkah ke hadapan dan secara tidak langsung perancangan ini membantu menambah baik kelemahan yang wujud.

Semoga Pelan Strategik ini dapat membantu PTGS dalam merealisasikan objektif, mencapai visi dan misi yang menjadi panduan kepada semua warga Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Perkhidmatan cemerlang kualiti diutamakan.